

Seminar menjadi usahawan fertigasi

JIKA tahun lalu, bengkel pengenalan cendawan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, penganjur kini mengambil inisiatif mengadakan Seminar Usahawan Fertigasi yang akan diadakan pada 17 Mei ini di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Ia di anjurkan oleh akhbar *Utusan Malaysia* melalui sisipan *MEGA* bersama AgroBank, May Consult dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), UPM.

Pendaftaran akan bermula jam 8.30 pagi, manakala seminar dimulakan jam 9 pagi dan berakhir pukul 6 petang.

Penganjur mengadakan Seminar Usahawan Fertigasi ini bagi memberi pendedahan asas pengeluaran tanaman sistem tersebut yang mana pada akhir seminar nanti peserta berupaya mengenalpasti potensi dan prospek tanaman sistem tersebut.

Seminar tersebut terbuka kepada semua pembaca *Utusan Malaysia* yang berminat mengusahakan tanaman fertigasi sebagai sumber pendapatan.

Menurut Pengurus Abadi, **Abdul Shukor Abdul Jabbar**, seminar sehari ini memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan pendedahan awal sebelum menceburkan diri dalam mengusahakan projek fertigasi ini.

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melepaskan peluang ini kerana penceramah terbaik disediakan sebelum memulakan projek.



DR. Mahamud Shahid (berbaju kuning) antara pakar rujuk sistem fertigasi yang banyak membantu penganjur mengadakan bengkel.

Sememangnya ramai pengusaha yang berminat untuk menceburi bidang ini tetapi mereka tidak mempunyai ilmu mencukupi. Menerusi seminar sehari ini nanti mereka berpeluang mengetahui teknik sebenar sebelum mengikuti bengkel seterusnya daripada Agrobank.

Katanya lagi, sejak Bengkel Usahawan Fertigasi yang lalu diadakan pihaknya hanya dapat mengadakan bengkel tersebut sebanyak lima kali, melibatkan 150 peserta sahaja dan

masih ramai lagi yang belum dapat mengikuti bengkel tersebut.

Yuran penyertaan dikenakan dengan bayaran sebanyak RM100 kepada setiap peserta meliputi taklimat fertigasi daripada tenaga-tenaga pakar dan bidang ini, berkongsi pengalaman dengan usahawan berjaya, makan minum, sijil penyertaan dan pameran daripada pembekal-pembekal terabit Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Promosi dan Pembangunan

Teknologi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), **Dr. Mahamud Shahid** turut menyarankan kepada orang ramai agar tidak melepaskan peluang dan dengan adanya seminar ini orang ramai dapat mendapatkan maklumat tepat dan terkini.

Katanya, sambutan mengenai penanaman fertigasi kini mula mendapat tempat di kalangan petani yang telah lama mengusahakan pertanian itu. Selain itu kaedah penanaman fertigasi dikenali sebagai proses pembajaan dan pengairan yang dijalankan serentak ke atas tanaman untuk membuahkan hasil yang lumayan.

"Hanya beberapa jenis tanaman sahaja yang sesuai ditanam menggunakan kaedah fertigasi antaranya tomato, cili, timun, terung, tembikai dan strawberi," katanya

Orang ramai yang ingin menyertai seminar ini dikehendaki menghantar butir-butir peribadi melalui borang penyertaan yang disiarkan di akhbar ini ke Urusetia Seminar Usahawan Fertigasi atau layari www.utusan.com.my untuk keterangan lanjut.

Maklumat mengenai seminar boleh diperoleh dengan menghubungi urus setia di talian 03-89259042 / 43 / 44 / 45 (Sarah/ Sharifah) / 013-5101901 (Abdul Hamid) / 012-3558510 (Dino) / 03-92877777 samb. 259 (Lieya) atau e-mel: maisarah.teeman@agrobank.com.my, sharifah.zaliha@agrobank.com.my atau lieya@utusan.com.my